



KENYATAAN MEDIA

Y.BHG. TAN SRI MAHMOOD ADAM

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

mengenai

3,886 PATI DAN 106 MAJIKAN DIKENAKAN TINDAKAN DI BAWAH PROGAM 6P

19 JANUARI 2012 (KHAMIS)

- 1. Sehingga hari ini (19 Januari 2012), sejumlah 35,323 pekerja/pendatang asing tanpa izin (PATI) telah diperiksa dalam Operasi 6P (Ops 6P) yang dilaksanakan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan daripada jumlah tersebut, 3,886 PATI serta 106 majikan telah dikenakan pelbagai tindakan.*
- 2. Berdasarkan statistik tersebut, 823 PATI dan empat majikan telah didakwa di mahkamah, 580 PATI telah diusir dari negara ini, 257 PATI dan 24 majikan dikenakan kompaun dan 1,452 PATI serta 52 majikan masih dalam siasatan.*
- 3. Dalam perkembangan lain, sehingga tarikh sama, jumlah PATI yang melalui proses pemutihan dan pengampunan ialah 341,956. Manakala 26,760 majikan telah hadir di lapan pusat setempat Program 6P sejak proses pemutihan bermula 10 Oktober 2011.*

4. *Daripada jumlah tersebut, angka paling tinggi dicatatkan pusat setempat JIM Putrajaya yang merekodkan 15,391 permohonan majikan bagi pemutihan 126,960 PATI; diikuti Kompleks Kementerian Dalam Negeri (KDN) Seberang Jaya, Pulau Pinang (3,507 majikan, 11,057 PATI); Kompleks KDN Johor Bahru, Johor (2,122 majikan, 8,928 PATI); Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Putrajaya (2,125 majikan, 8,334 PATI); JIM Presint 15 (823 majikan, 4,305 PATI); Kompleks KDN Kuantan, Pahang (1,339 majikan, 4,065 PATI); Kompleks KDN Jalan Duta (759 majikan, 4,036 PATI) dan JIM Pelabuhan Klang (694 majikan, 2,483 PATI).*

#####

Disediakan : ***Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Dalam Negeri
Aras 9, Blok D1, Kompleks D
Putrajaya***

No. Telefon : ***03 – 8886 8000***